

DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN WONG HON WAI**  
**[ BUKIT BENDERA ]**

**TARIKH MENJAWAB : 20 MAC 2019**

**SOALAN : 66**

**YB TUAN WONG HON WAI [ BUKIT BENDERA]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah usaha baru Kerajaan untuk menandatangani Perjanjian Bantuan Perundangan Bersama Dalam Hal Jenayah (*Mutual Legal Assistance In Criminal Matters*) serta Perjanjian Ekstradisi (*Extradition Treaty*) dengan negara-negara lain.

**JAWAPAN:** **YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN**  
**TIMBALAN MENTERI DI**  
**JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua

1. Kerajaan Malaysia telah menandatangani Perjanjian Bantuan Bersama Dalam Perkara Jenayah dengan tujuh belas buah negara iaitu Brunei Darussalam, Cambodia, Filipina, Indonesia, Laos, Myanmar, Singapura, Thailand dan Vietnam pada 29 November 2004, Australia pada 15 November 2005, Amerika Syarikat pada 28 Julai 2006, Hong Kong (Wilayah Pentadbiran Khas) pada 17 Oktober 2006, United Kingdom pada 21 Julai 2010, Korea Selatan pada 10 Disember 2010, India pada 12 Mac 2012, Republik Rakyat China pada 23 November 2015 dan Ukraine pada 4 Ogos 2016.
  
2. Kerajaan Malaysia juga telah menandatangani Perjanjian Ekstradisi dengan lapan buah negara iaitu Thailand (melalui Perjanjian Ekstradisi antara Great Britain dengan Siam yang ditandatangani pada 4 Mac 1911 dan pemakaianya telah dilanjutkan melalui pertukaran Nota bertarikh 27 Oktober 1959 antara Persekutuan Malaya dengan Thailand), Indonesia pada 7 Jun 1974, Hong Kong (Wilayah Pentadbiran Khas) pada 11 Januari 1995, Amerika Syarikat pada 3 Ogos 1995, Australia pada 15 November 2005, India pada 20 Januari 2010, Korea Selatan pada 17 Januari 2013 dan Ukraine pada 4 Ogos 2016.

3. Pada masa kini, Kerajaan Malaysia juga dalam proses rundingan Perjanjian Bantuan Bersama Dalam Perkara Jenayah dan Perjanjian Ekstradisi secara aktif dengan beberapa buah negara lain seperti Republik Islam Iran, Romania, Maldives, Algeria, Kazakhstan dan Perancis.
4. Keutamaan untuk mengadakan rundingan perjanjian-perjanjian tersebut diberikan berdasarkan jumlah kes bantuan bersama dalam perkara jenayah dan ekstradisi yang sedang dikendalikan, hubungan kerjasama sedia ada antara kedua-dua Negara dan hasrat negara-negara tersebut untuk memuktamadkan kedua-dua Perjanjian berkenaan dengan Malaysia.
5. Pada masa kini, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sedang menjalankan siasatan terhadap pemerolehan dua buah kapal selam *Scorpene-class* pada tahun 2002 oleh Kerajaan Malaysia daripada syarikat Perancis. Siasatan dan pendakwaan juga sedang dijalankan oleh pihak berkuasa Perancis berhubung dengan pemerolehan *Scorpene* ini. Dalam pada masa yang sama, Kerajaan Malaysia komited dalam memberi bantuan kepada Kerajaan Perancis. Kerajaan Malaysia juga telah menerima permintaan bantuan bersama dalam perkara jenayah daripada Kerajaan Perancis berhubung dengan pemerolehan *Scorpene*.

6. Demi keadilan dan kepentingan bersama, kedua-dua pihak berkuasa Malaysia dan Perancis sedang bekerjasama dalam usaha memberikan bantuan perundangan bersama dalam hal jenayah. Maklumat dan dokumen telah dikongsi untuk mengukuhkan kes masing-masing dalam bidang kuasa masing-masing.

Sekian, terima kasih.